

(J.P.A. Sulit 2899)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1974

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 6 TAHUN 1970

Mengambil Kerja Semula Bagi Orang-orang Pencen

Potong ayat-ayat di perenggan 14 dan gantikan dengan ayat-ayat seperti di bawah ini:

“14. Orang-orang pencen yang diambil bekerja semula hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja sementara dan boleh menerima gaji bersih yang penuh yang senilai dengan gaji yang sedang mereka terima jika mereka bekerja dalam Perkhidmatan dan jawatan yang sama seperti mana mereka bekerja sebelum mereka bersara dahulu dan mereka bolehlah layak menerima kemudahan-kemudahan (perquisites) dan elaun-elaun yang lain sama seperti yang diberi kepada pekerja-pekerja sementara. Bagi mereka yang diambil bekerja semula dalam jawatan-jawatan yang lain, mereka bolehlah menerima gaji bersih yang penuh bagi jawatan itu.”

2. Tarikh berkuatkuasa pindaan ini ialah sama seperti tarikh berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1973, iaitu pada 1hb Jun, 1973. Peraturan mengenai pengambilan kerja semua orang-orang pencen bagi jawatan-jawatan di dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar yang ada sekarang hendaklah diteruskan.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,

20hb Februari, 1974.